




SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 05 Rabiulakhir 1444 / 31 Oktober 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan sedikit peningkatan di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah 485 kes sehari, berbanding dengan 437 kes sehari pada minggu sebelumnya. Sebanyak 41,068 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 8.2% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.




Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **3 kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sehingga kelmarin, 30 Oktober 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **78.6%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **10.8%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **459 kes baru** telah dilaporkan iaitu 453 kes hasil ujian ART dan 6 kes adalah hasil dari 62 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Sementara itu, *trend* kes *Influenza* dan jangkitan serupa *Influenza* (*Influenza-like Illness, ILI*) pada minggu lalu terus menunjukkan penurunan. Walau bagaimanapun, keadaan *trend* jangkitan masih belum kembali sepenuhnya ke paras normal. Orang ramai adalah diingatkan untuk terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti mengasingkan diri jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan mengelakkan dari tempat-tempat yang penuh sesak. Segera berjumpa doktor jika tanda-tanda jangkitan berterusan atau semakin teruk. Dapatkan suntikan *Influenza*, khususnya bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang mempunyai masalah-masalah kesihatan.



Tren ILI dari minggu 1 hingga minggu 43

4. Di kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin mempelawa orang ramai untuk terus menyertai Cabaran 20 Bilion Langkah Bersama yang kini sedang berjalan dan disasarkan untuk dicapai pada penghujung tahun ini. Orang ramai diingatkan untuk mengemaskini langkah mereka dalam aplikasi BruHealth setiap hari dengan menekan punat ciri BN on the Move dalam aplikasi BruHealth masing-masing. Marilah kita sama-sama mencapai 20 Bilion Langkah Bersama dan menuju ke arah gaya hidup

yang lebih sihat. Teruslah bergerak untuk kesihatan, setiap langkah adalah penting.

5. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 05 Rabiulakhir 1444H / 31 Oktober 2022